

# Dr. M: Mereka mahu bermain dengan wang

KAMPUNG RAJA  
(Besut) 15 Ogos - Datuk  
Sri Dr. Mahathir Mohamad

hari ini mendedahkan bahawa golongan yang mahu merebut kuasa di Terengganu adalah berniat buruk kerana ingin bermain dengan wang.

Kata Perdana Menteri, "mereka mahukan kuasa kerana Terengganu sekarang kaya, banyak duit dan

Oleh Abdullah Hassan

UM 16 AUG 1985

boleh bermain dengan wang."

Oleh itu beliau menyeru seluruh rakyat Negeri Terengganu supaya tidak terpedaya dengan golongan tersebut.

Berucap di hadapan lebih 12,000 penduduk Besut da-

lam rapat perpaduan ummah di satu kawasan lapang di hadapan rumah pegawai daerah, Perdana Menteri melahirkan rasa bingganya terhadap rakyat negeri ini yang telah menolak golongan itu.

Turut hadir di majlis ter-

sebut ialah Datuk Sri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah, Menteri Besar, Datuk Amar Diraja Haji Wan Mokhtar Ahmad, Timbalan Menteri Buruh, Datuk Zakaria Abdul Rahman dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Yusuf Noor.

Perdana Menteri berkata, golongan yang inginkan kuasa itu tidak mentafsirkan Al-Quran dengan betul sebaliknya mereka berbuat demikian dengan nafsu semata-mata untuk mendapat kuasa.

Perdana Menteri mengulangi bahawa sekiranya golongan tersebut bersetuju membuang tabiat yang buruk, UMNO sanggup bersatu dengan mereka.

Dalam ucapan yang hampir satu jam Datuk Sri Dr. Mahathir banyak membuat penekanan terhadap pentingnya perpaduan untuk memelihara keamanan.

Beliau juga memberi contoh tentang keadaan umat Islam di negara-negara Asia Barat yang gagal menentang Yahudi kerana ketiadaan perpaduan.

Beliau mengingatkan bahawa Malaysia hanya mempunyai 50 peratus penduduk terdiri dari umat Islam dan sekiranya perpaduan tidak dapat dijaga, kejadian yang berlaku di Asia Barat mungkin berlaku di negara ini.

Katanya, "apabila keadaan ini berlaku kita akan kehilangan kuasa dan ketika itu kita akan menyesali perbuatan yang telah berlaku, kerana hanya perpaduan dapat mengekalkan kekuatan."

Beliau menyatakan Al-Quran tidak pernah menyuruh umat Islam berpecah sebaliknya bersatupadu.

Tanpa perpaduan tabahnya, rakyat akan berpecah-belah dan tidak ada apa yang akan dapat dibuat kerana hanya menerusi kerjasama seluruh umat Islam akan membawa kebaikan.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, rakyat di negara ini akan mengalami nasib yang malang sekiranya berlaku perpecahan sesama sendiri kerana perpecahan itu membawa kelemahan.